

# Perkasa idea bahan ilmiah versi digital

» Skop bacaan kini lebih meluas berikutan kemudahan peranti elektronik

Oleh Suhaila Shahrul Annuar  
suhaila.shahrul@bh.com.my

Putrajaya

Industri, penerbit buku dan ahli akademik di negara ini perlu memperkasa idea serta bahan penerbitan ilmiah versi digital bagi memenuhi trend penggunaan buku elektronik atau e-Book yang semakin pesat berkembang di negara ini.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata industri buku di negara ini perlu bersedia dengan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk menyahut cabaran penerbitan ke arah digital.

Katanya, perkembangan e-Book semakin pesat terutama di negara Barat, justeru Malaysia perlu bersedia menerbitkan bahan rujukan ilmiah dalam ben-



**Idris bersama penerima Anugerah MAPIM-KPT 2015 selepas Majlis Penyampaian Anugerah Penerbitan Ilmiah Malaysia di Kementerian Pendidikan Tinggi, Putrajaya, semalam.**

[FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]

tuk itu selaras dengan keperluan dan trend semasa.

## Peranti elektronik

"Skop pembacaan kini lebih meluas dengan adanya kemudahan peranti elektronik yang pelbagai

dan pembaca masa kini lebih suka mengakses maklumat menggunakan peranti elektronik berbanding menyelak buku fizikal.

"Penggunaan e-Book di Malaysia ketika ini dianggarkan melebihi dua peratus dan dijangka

berkembang lebih pesat lagi pada tahun akan datang," katanya berucap pada Majlis Anugerah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)-Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) 2015 di sini, semalam.

Anugerah MAPIM-KPT 2015 diadakan setiap tahun sebagai usaha meningkatkan dan memajukan penerbitan ilmiah di negara ini dalam kalangan penerbit Universiti Awam (UA).

**6 kategori dipertandingkan**  
Sebanyak enam kategori dipertandingkan tahun ini iaitu Anugerah Buku Ilmiah Terbaik yang dimenangi penerbit Universiti Malaya (UM), Anugerah Makalah Jurnal Terbaik (Dewan Bahasa dan Pustaka-DBP), Anugerah Editor Naskhah Terbaik (Universiti Sains Malaysia), Anugerah Buku Ilmiah Popular (Universiti Putra Malaysia), Anugerah Karya Suntingan Terbaik (DBP) dan Anugerah Reka Bentuk Buku Terbaik (Institut Terjemahan dan Buku Malaysia).

Dalam pada itu, Idris turut meneru ahli akademik supaya menghasilkan lebih banyak bahan penerbitan ilmiah mengikut kepakaran masing-masing.

"Setakat ini kita mempunyai seramai 2,579 profesor di seluruh negara dan jika 50 peratus daripada mereka menghasilkan buku ilmiah setiap tahun, kita akan mempunyai kira-kira 1,290 judul buku setiap tahun," katanya.